

## **TAQWA DAN KEIMANAN DARI ASPEK PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN**

**DR. NOORAINI OTHMAN\***

\*Penulis adalah pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui  
e-mail: khairunnur69@yahoo.com/p-noraini@utm.my

### **Pengenalan**

Islam adalah *ad-deen* mengikut terminologi Islam yang bermaksud cara hidup yang sempurna. Ia merupakan satu sistem pemikiran dan tindakan. Menurut Abu Al-‘Ala al-Maududi’ (1984), Islam menjelaskan tentang hubungan antara Allah dan manusia, dan manusia sesama manusia. Ia juga menerangkan tentang kod moral, prinsip-prinsip budaya dan ketamadunan, cara beribadah dan menyediakan satu kerangka kepercayaan serta akhlak yang perlu untuk menguruskan kehidupan sebagai seorang Muslim. Peraturan tersebut merangkumi hubungan sosial dan budaya, ekonomi, undang-undang dan politik, peperangan dan keamanan, dan hubungan antarabangsa. Allah tidak meninggalkan manusia tanpa sebarang pedoman dan panduan tetapi telah mengutus RasulNya beserta kitab Al-Quran. Misi Rasulullah saw itu tidak berakhir dengan penyampaian pesanan dari Allah tetapi disertai dengan panduan melalui penjelasan terhadap implikasi hukum Islam, kod moral, ayat-ayat suci Al-Quran, dan cara beribadah yang membina keseluruhan sistem.

Hammudah ‘Abdalati (1984) mendefinisikan Islam sebagai penyerahan diri terhadap kekuasaan Allah dan kepatuhan terhadap peraturanNya. Definisi tersebut merangkumi intipati Islam yang amat mendalam dan merupakan komitmen dalaman setiap individu Muslim. Walau bagaimanapun komitmen dalaman ini hanya sah apabila ianya disertai oleh manifestasi luaran melalui penyempurnaan tanggungjawab dan minat yang dinamik terhadap

komitmen tersebut. Di sini, kepercayaan dan tindakan perlu bergabung bersama bagi membentuk personaliti dan menjadikan kehidupan seseorang individu itu lebih bermakna. Jelaslah bahawa tidak mungkin wujud kepercayaan atau keimanan tanpa tindakan bagi memperkuuh keimanan tersebut dan tidak mungkin juga wujudnya perbuatan yang bermakna tanpa kepercayaan dan keimanan.

Misi yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw perlu difahami melalui kaedah berikut: Pertama, melalui apa yang dikatakan oleh Allah dalam Al-Quran (Al-Anbia':107) yang bermaksud:

*“Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi semester alam”*

Kedua, melalui apa yang diperkatakan sendiri oleh Rasulullah saw dalam hadith yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.*

Ansari (2001) menyatakan bahawa misi seorang Muslim adalah untuk membina personaliti dirinya sendiri, persekitaran sosialnya dan dunia umumnya. Bagi memenuhi tujuan tersebut, seseorang itu perlu melengkapkan dirinya dengan segala kesempurnaan diri yang tercapai olehnya, dan bekerjasama dengan masyarakatnya dalam menjalankan aktiviti kemanusiaan yang sihat.

Memiliki personaliti yang baik mencerminkan keindahan dan kesempurnaan yang hanya dapat dicapai melalui kesedaran diri dan ilmu. Kepentingannya dapat dilihat dalam semua bentuk ibadah yang telah ditentukan oleh ajaran Islam. Ia merupakan satu bentuk latihan bagi membolehkan manusia mempunyai akhlak dan tingkahlaku yang betul dan memelihara nilai-nilai tersebut selama hidupnya walau apa pun perubahan yang berlaku di

persekitarannya. Oleh yang demikian, penulis berpendapat, personaliti manusia itu merupakan penentu kepada segala aktiviti yang dilakukan oleh manusia. Kertas kerja ini cuba membincangkan tentang personaliti manusia yang merupakan tunjang kepada pembentukan dan pembangunan modal insan. Personaliti perlu diukur bagi membolehkan manusia mengetahui tahapnya agar ianya boleh diperbaiki dari semasa ke semasa. Alat ukur tersebut perlu dibina berdasarkan perspektif Islam yang berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Ianya merupakan alat muhasabah diri yang dapat membantu mengenal dan membaiki diri.

## **Perspektif Malaysia**

Di Malaysia, penerapan nilai-nilai Islam merupakan sebahagian daripada agenda kerajaan yang dibuat melalui Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, terutamanya di kalangan kakitangan awam. Matlamat dasar tersebut adalah untuk mempromosi dan menanam nilai-nilai Islam yang universal bentuknya. Kakitangan kerajaan yang baik akan berusaha untuk merealisasikan nilai-nilai tersebut dalam urusan sehari-hari mereka. Nilai-nilai Islam sepatutnya menjadikan mereka penjawat awam yang lebih baik serta merupakan asset kepada negara. Adalah diharapkan agar ia dapat membantu pihak kerajaan untuk menghapuskan segala perilaku tidak sihat dikalangan mereka. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud, “*Kamu tidak akan dapat menarik manusia dengan hartamu tetapi kamu tariklah mereka dengan tingkah laku yang baik.*” Dalam hadith yang lain, baginda bersabda yang bermaksud, “*Orang yang paling aku kasih adalah mereka yang memiliki tingkah laku yang terbaik dan orang yang akan mendapat perlindungan adalah mereka yang mengasihi dan dikasih.*” (At-Tabrani)

Zakaria Stapa (1999) menyatakan bahawa kejayaan sektor-sektor yang lain akan menjadi kurang bermakna sekiranya personaliti dan akhlak masyarakat Malaysia lemah

kerana kejayaan sektor-sektor tersebut bergantung kepada kualiti sumber manusianya. Oleh yang demikian, etika dan moral seharusnya berganding bersama dan menjadi asas kepada terbinanya sesuatu masyarakat. Dengan wujudnya masalah sosial dalam masyarakat, sama ada yang melibatkan remaja dengan pelbagai tingkahlaku atau salah laku dalam kerjaya atau tingkahlaku di kalangan golongan dewasa, semuanya adalah masalah yang saling berkait antara satu sama lain. Ianya memerlukan penyelesaian dan yang terbaik adalah kembali kepada ajaran Islam.

Adalah tepat apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (2003) mengatakan bahawa banyak negara di dunia berhadapan dengan dilema dalam mengimbangi ugutan dan tuntutan kuasa luar serta tekanan politik yang menjurus kepada menyemarakkan sentimen rakyat. Dalam menghadapi ancaman neo-kolonialisme, perpecahan rakyat sangatlah menguntungkan pihak luar dalam mencapai matlamat buruk yang mereka hajati. Oleh yang demikian, kekuatan dalaman, kekuahan mental dan daya tahan rakyat adalah merupakan benteng pertahanan terbaik negara. Semangat yang tidak boleh digugat dalam memastikan negara tidak dijajah dan rakyat yang tidak boleh dikotak katikkan mestilah disemai sedalamnya. Menurut beliau lagi, ini adalah kualiti yang menjadi teras perjuangan kita, benteng pertahanan yang kukuh bagi orang Melayu dan rakyat Malaysia, keteguhan daya tahan, kesediaan untuk menabur khidmat bakti, kekuatan akal dan jasad, keteguhan dan kesetiaan apabila berhadapan dengan musuh serta kekebalan jiwa merdeka.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia telah mencapai kejayaan dalam berbagai bidang. Matlamatnya adalah untuk menjadi negara maju mengikut acuannya sendiri menjelang tahun 2020. Perubahan tersebut bukanlah hanya berdasarkan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi sahaja. Ia juga memerlukan kemajuan dari aspek sosial, budaya, intelek dan kerohanian. Untuk mencapai segalanya, peningkatan dari segi etika dan

integriti amat diperlukan bagi memastikan ianya menjadi sebahagian dari budaya masyarakat. Hanya dengan memiliki nilai dan norma tersebut, kejayaan negara ini akan dapat dipertahankan dan nilai kesejahteraan rakyat dipertingkatkan.

Institut Integriti Malaysia (2004) menekankan bahawa sektor awam merupakan alat terpenting dalam pengurusan dan pentadbiran dan pembangunan negara. Amalan etika dan integriti perlu direalisasikan dalam setiap tindakan. Integrasi, internalisasi dan berpegang kepada nilai moral yang baik dan bebas dari rasuah dan salah guna kuasa perlu sentiasa diperkuuhkan. Pihak kerajaan telah memperkenalkan berbagai program bagi meningkatkan nilai moral dan integriti. Untuk memastikan perlaksanaannya, kerajaan, melalui Parlimen telah meluluskan Akta Pencegahan Rasuah 1961 yang kemudiannya ditukarkan kepada Akta Anti-Rasuah 1997. Kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa nilai-nilai asas yang perlu dihayati dan diamalkan oleh sektor awam. Nilai-nilai tersebut adalah jujur, amanah, bijaksana, adil, telus dan menghargai.

Institut Integriti Malaysia (2004) menyatakan bahawa sektor swasta merupakan penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Satu masalah yang memberi kesan kepada integriti sektor swasta adalah rasuah. Jenayah lain termasuklah penipuan telah merosakkan kredibiliti dan integriti sektor tersebut pada pandangan pelabur dan orang awam. Usaha bagi mengatasi masalah tersebut masih belum mencukupi. Sekiranya masalah ini tidak dapat dibendung, ia akan menjadi penyakit yang menular dalam masyarakat. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan agar integriti sektor swasta dipertingkatkan.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat meningkatkan etika dan integriti di kalangan sektor-sektor tersebut, satu perancangan yang terperinci telah dihasilkan yang dikenali sebagai Plan Integriti Nasional (PIN). Ianya telah mengarah kepada penubuhan Institut Integriti Malaysia yang bertindak sebagai mekanisme penyelaras bagi perlaksanaan PIN.

Integriti juga memainkan peranan yang penting dalam diri individu di mana integriti seseorang merupakan keharmonian di antara perkataan dan perbuataannya.

Matlamat wawasan 2020 yang merupakan satu lagi dasar kerajaan yang berhasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Maju menjelang tahun 2020. Sembilan cabaran yang perlu dicapai telah digariskan dan mempunyai masyarakat yang beretika adalah salah satu cabarannya. Ia sekaligus membuktikan bahawa menjelang tahun 2020, rakyat yang berakhhlak merupakan matlamatnya. Oleh yang demikian, majikan memerlukan pekerja yang baik, institusi pengajian memerlukan pelajar, pensyarah dan pentadbir yang baik. Sebagai inti patinya, memiliki personaliti yang baik itu menjadi tanggungjawab bagi setiap individu untuk mencapainya. Dalam hubungan ini, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

*“ Seseorang hamba yang diamanahkan kepadanya dengan urusan kepimpinan manusia, dan dia mati dalam keadaan mengkhianati amanah tersebut, Allah mengharamkan baginya syurga.”* (Riwayat Muslim).

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah bersabda yang bermaksud,

*“Allah melaknat mereka yang memberi dan menerima rasuah.... .”* (Ibn Hibban and Al-Hakim).

Jalan keluar yang turut ditunjukkan oleh al-Quran adalah firman Allah (Ali ‘Imran:104) yang bermaksud:

*“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang munkar; mereka lahir orang-orang yang beruntung”.*

Semoga hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju akan menjadi satu kenyataan yang membanggakan apabila ia didasari oleh kehebatan pembangunan fizikalnya yang disertai oleh keteguhan jati diri serta kekuahan personaliti modal insannya.

### **Keperluan Terhadap Inventori Personaliti dari Perspektif Islam**

Ilmu psikologi adalah satu disiplin yang mengkaji tingkah laku manusia. Personaliti pula merupakan satu cabang dari ilmu psikologi yang mengkaji tentang ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara manusia. Inventori personaliti pula adalah merupakan instrumen ataupun alat bagi mengukur personaliti manusia berdasarkan kaedah yang saintifik.

Dalam menggambarkan tentang personaliti seseorang, teori-teori personaliti telah berusaha untuk menunjukkan bagaimana setiap manusia itu mempunyai persamaan dan perbezaan di antara satu dengan yang lain (Hergenhahn & Olson, 1999). Isu yang pertama melibatkan fitrah manusia manakala isu kedua melibatkan perbezaan pada individu. Matlamat teori-teori tersebut adalah untuk menghuraikan tentang keadaan manusia dan mengapa mereka berkeadaan sedemikian. Hergenhahn & Olson (1999) menerangkan dengan lebih lanjut bahawa tidak terdapat satu pun daripada teori-teori yang ada yang telah berjaya menerangkan tentang keadaan manusia dengan sepenuhnya melainkan setiap teori menekankan tentang pelbagai aspek manusia yang berbeza dan perbezaan individu.

Hasan Langgulung (2001) menekankan bahawa manusia merupakan produk yang terhasil dari kesan sejarah, permasalahan dan keperluan, masa dan persekitaran. Masyarakat Barat menghasilkan sesuatu penyelesaian dan penawar yang berasaskan kepada masalah dan keperluan mereka. Manakala masyarakat Islam mempunyai masalah dan keperluan yang berbeza berbanding dengan yang dihadapi oleh Barat. Oleh yang demikian, masyarakat Islam

haruslah mempunyai penyelesaian yang sesuai dengan keperluan mereka. Salah satu kesilapan yang dilakukan oleh masyarakat Islam adalah peniruan membuta tuli terhadap apa sahaja yang dihasilkan oleh Barat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Pada suatu masa nanti, orang-orang Islam akan mengikut sahaja cara orang Nasrani dan Yahudi walaupun telah jelas cara itu bertentangan dengan cara Islam, sekalipun mereka masuk ke lubang biawak, orang-orang Islam akan mengikut mereka”.*

Hadith ini telah dijelaskan secara terperinci oleh Badri (2001) dalam buku beliau, “*Dilema Ahli Psikologi Islam*”. Dalam membincangkan tentang inventori ujian personaliti, sarjana Islam digesa supaya mengkaji dan menghasilkan inventori asli berdasarkan prinsip Islam. Berhubung dengan itu, isu tentang perbezaan masalah dan keperluan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Hasan Langgulung diharapkan dapat diselesaikan. Ianya akan mengurangkan pergantungan masyarakat Islam terhadap inventori personaliti ciptaan orang Barat yang berasaskan perspektif dan nilai mereka.

Khaleefa (1997) dalam penulisan beliau yang bertajuk “*The imperialism of Euro-American psychology in a nonwestern culture: An attempt toward an ummatic psychology*”, menyatakan bahawa umat Islam secara realitinya berhadapan dengan budaya yang terpisah dari kreativiti tamadun Islam yang lalu dan juga dari kreativiti pemikiran moden Barat. Hanya semangat peniruan dalam psikologi yang telah diterima dari masyarakat Barat dan bukannya teknik dan kaedah, serta semangat daya tahan dan produktiviti mereka. Masanya telah tiba untuk masyarakat Islam menyedari tentang kepentingan memiliki ciri-ciri dan sifat yang tersendiri bagi menghasilkan personaliti Muslim sebagai seorang individu dan masyarakat.

Personaliti boleh dikenalpasti dalam satu jangka masa yang panjang iaitu melalui komunikasi dan pemerhatian terhadap tingkahlaku seseorang. Ia juga boleh dilakukan melalui

proses yang dipanggil ujian personaliti (Janda 2001). Ujian tersebut boleh dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui personaliti seseorang. Hasilnya dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam membuat keputusan yang tertentu misalnya dalam pemilihan pekerja, pelajar dan sebagainya. Ujian personaliti merupakan sebarang instrumen yang dibina untuk menilai personaliti. Ianya dibina untuk mengukur sikap, tingkah laku dan nilai seseorang (Carter & Russel, 2003).

Hasan Langgulung (1991) menerangkan dengan lebih lanjut bahawa teori-teori personaliti yang ada dalam psikologi Barat mempunyai kekurangan dari aspek kerohanian sebagaimana yang ditekankan dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Bagi menghasilkan ujian personaliti yang menyeluruh, dimensi rohaniah manusia perlu diletakkan di tempat yang sewajarnya.

Salah satu kepentingan memiliki personaliti Islami adalah untuk menzahirkan kepada dunia tentang keindahan ajaran Islam. Seorang Muslim perlu membawa bersamanya ciri sebenar personaliti Islami agar ia dapat menghilangkan salah tanggapan terhadap Islam dan masyarakat Islam secara keseluruhan yang pada hakikatnya, adalah ia satu usaha dakwah. Ridwan Abdullah (1994) menyatakan bahawa Islam dan masyarakatnya sering dilihat dari sudut yang negatif. Kerumitan ini ditambah lagi dengan kewujudan kumpulan Muslim yang menyimpang dari ajaran dan amalan Islam walaupun mempunyai intepretasi Islam yang betul. Dengan adanya propaganda yang dikenali sebagai ajaran sesat ini, masyarakat Barat tidak akan dapat membezakan antara pemikiran Islam yang benar dan yang salah.

Menyedari tentang jurang-jurang yang wujud, matlamat penulis adalah untuk memulakan pembinaan inventori personaliti yang berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Perbezaan utama di antara instrumen ini dan instrumen yang sedia ada adalah wujudnya aspek psiko-spiritual sebagai salah satu dimensi yang akan diukur.

## **Kerangka Teori bagi Pembinaan Inventori**

Kerangka teori ini berasaskan kepada sudut pandangan (*worldview*) Islam dan sifat semulajadi (*fitrah*) kejadian manusia yang dikaitkan dengan pemkembangan personaliti manusia. Pandangan tersebut merupakan asas kepada segala tindakan. Setiap tindakan manusia akhirnya akan menghala ke pandangan tersebut.

Mengikut pandangan Islam, kehidupan perlu dipandu oleh prinsip *Tawhid* (Al-Faruqi, 1992). Ia merupakan pengakuan bahawa Allah adalah satu dan hanya Allah sahaja yang wajib disembah dan bahawa Nabi Muhammad itu adalah persuruh Allah. Ia membawa makna tentang kepatuhan yang tidak berbelah bagi terhadap perintah Allah dan kesetiaan kepada ajaran Rasul yang menjadi kriteria kecemerlangan hidup seorang Muslim. Inti pati *Tawhid* adalah menerima segala firman Allah sebagaimana yang diturunkan di dalam Al-Quran dan ajaran dari Rasul sebagaimana yang termaktub dalam hadith, sebagai cahaya petunjuk dan prinsip hidup. Cabarannya adalah untuk menterjemahkan ajaran tersebut dalam segenap sudut kehidupan seorang Muslim. Realiti kehidupan di dunia yang berubah sudah pastinya menjadi cabaran yang hebat bagi seseorang itu untuk memenuhi tanggungjawab tersebut. Hakikatnya, walau sekompleks mana pun kehidupan itu, dinamiknya ajaran Islam akan tetap menjadi relevan sepanjang masa.

Personaliti manusia dalam tradisi Islam difahami melalui keseluruhan penciptaan manusia yang terdiri daripada tubuh badan (fizikal), minda (aqal) dan rohani (jiwa). Untuk memahami psikologi sifat semulajadi manusia dan perkembangan personalitinya, seseorang itu perlu memahami sifat dalamannya secara keseluruhan. Kajian personaliti manusia tidak akan lengkap sekiranya tidak disertai dengan pemahaman terhadap faktor yang mempengaruhi perkembangan personalitinya. Mengikut Usman Najati (1968), sebarang kajian yang dijalankan terhadap faktor biologi, masyarakat dan budaya tanpa memasukkan

kajian terhadap aspek kerohanian hanya akan membawa kepada deskripsi yang samar dan kefahaman yang cetek tentang personaliti. Kajian tentang konsep asas sifat semulajadi manusia dan potensinya akan memberi kefahaman yang tepat tentang personaliti manusia.

Raba (2001) berpendapat bahawa sifat semulajadi manusia merupakan tunjang kepada kajian tentang personaliti manusia. Tumpuan kajian beliau adalah untuk menghuraikan bahawa fitrah manusia merupakan faktor yang menyebabkan wujudnya perbezaan dalam jenis personaliti. Kitab Al-Quran menunjukkan bahawa manusia diciptakan dengan matlamat yang istimewa, dimana ianya telah dilengkapskan dengan keimanan dan ilmu yang mencukupi serta potensi yang membolehkannya menyempurnakan misi sebagai *khalifah* Allah di muka bumi ini. Tanggungjawab hakikinya adalah untuk beriman dan percaya kepada Allah, kebolehan untuk belajar, melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, memikul tanggungjawab, untuk menyayangi dan untuk memiliki harta dan kuasa.

Manusia terdiri daripada jasad dan *ruh* (Al-Attas, 1990). Menurut Hasan Langgulung (2002), manusia tercipta daripada tanah dan termasuk ke dalam dunia penciptaan (*world of creation*) dan tertakluk kepada pergerakan, perubahan dan pengubahan, dibatasi oleh masa dan ruang. *Ruh* pula termasuk ke dalam dunia perintah (*world of command*), bersifat bebas dan tidak dibatasi oleh masa dan ruang. *Ruh* bersifat melebihi dan mengatasi segalanya (*transcendent*) dan merupakan teras hidupnya manusia.

### **Konstruk bagi *Ummatic Personality Inventori* (UPI)**

*Ummatic Personality Inventory* (UPI) merujuk kepada alat ukur yang terdiri daripada item-item yang dibina berdasarkan nilai-nilai yang diadaptasi daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Penulis telah membina alat ukur ini berdasarkan data yang dikumpulkan dari sumber-sumber

tersebut dan telah diuji kesahan dan kesahihannya menggunakan kaedah *Principal Component Analysis* (PCA). Kaedah kedua yang digunakan adalah Confirmatory Factor Analysis (CFA). Kaedah ini digunakan untuk mengesahkan faktor-faktor asas yang telah dihasilkan oleh PCA dan mensahihkan konstruk-konstruk bagi instrumen ini.

Personaliti ini merujuk kepada ciri-ciri seseorang individu yang selari dengan sifat kerohanian Islam sebagaimana yang dijelaskan di dalam Quran dan Sunnah. Allah berfirman dalam Quran (Al-Isra':85),

*“Dan mereka bertanya kepadamu tentang Ruh. Katakanlah: “Ruh itu termasuk urusan Tuhan-ku dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”*

Personaliti Ummatik ini menemukan asasnya dalam bidang psikologi daripada paradigma Ummatik (*Ummatic Paradigm*) yang dipelopori oleh Hasan Langgulung (1999). Menurut beliau, konsep utama paradigma ini adalah memasukkan elemen kerohanian ke dalam asas-asas materialistik sebagaimana yang terdapat di dalam bidang psikologi sekarang ini. Dengan erti kata lain, mengambilkira elemen atau aspek kerohanian dalam memahami tingkahlaku manusia. Intipati kepada kerohanian Islam merupakan kesedaran terhadap sifat Allah yang satu (*Tawhid*). Menurut Al-Harran (2004), kerohanian Islam berasaskan kepada kasih sayang yang disertakan dengan ilmu pengetahuan dan kepatuhan yang telah diamalkan di dalam kehidupan yang selari dengan tuntutan Syarak. Beliau menambah bahawa kerohanian juga merupakan prinsip kepada keimanan. Oleh yang demikian, segala tindakan manusia dianggap sebagai *ibadah*. Allah telah mencipta manusia dengan satu matlamat iaitu untuk menghambakan (*Ibadah*) dirinya. Allah telah menjadikannya berbeza dengan setiap kejadian yang lain supaya manusia dinaikkan tarafnya kepada *khalifah* beserta dengan *amanah* yang perlu dipertanggungjawabkan. Manusia dikurniakan *aqal* untuk

membolehkannya menimba ilmu pengetahuan (*ilm*) dan menggunakan demikian kebaikan manusia sejagat.

Oleh yang demikian, model psiko-spiritual bagi UPI telah dibina berdasarkan konsep-konsep tersebut. Psiko-spiritual boleh didefinisikan sebagai kajian tentang sifat semulajadi manusia yang berhubungkait dengan tingkah laku, pemikiran dan emosi yang berdasarkan nilai-nilai dari perspektif Islam. Yang paling penting adalah untuk memasukkan aspek kerohanian apabila mengukur personaliti manusia. Dengan ini, penulis telah mencadangkan agar konstruk bagi inventori ini adalah *Ibadah, Amanah and Ilm*.

### ***Ibadah***

*Ibadah* secara umumnya merupakan penyembahan kepada Allah. Ianya juga difahami sebagai penyembahan yang menyeluruh kepada Allah secara rohani dan fizikal. Aspek kerohanian merujuk kepada elemen hati (*Qalb*). Aspek fizikal bermaksud tindakan yang dilakukan oleh tubuh badan. *Ibadah* merupakan matlamat utama kepada penciptaan manusia. Allah berfirman di dalam Quran (Az-Zariyat:56):

*“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku”*

Untuk membolehkan sesuatu perbuatan itu dianggap ibadah, dua kriteria asas perlu dipenuhi. Pertama, perbuatan itu perlu disertakan dengan niat yang ikhlas kerana Allah sahaja. Kedua, perbuatan tersebut mestilah menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh *Shari’ah*. Dengan perkataan lain, matlamat tidak akan menghalalkan cara.

*Ibadah* tidak terbatas kepada perbuatan ritual yang tertentu seperti *solat* dan *zakat*. Pada hakikatnya, semua aktiviti yang dilakukan oleh orang Islam akan menjadi ibadah, bermula apabila bangun dari tidur setiap pagi hingga bangun semula keesokan harinya.

Intipatinya adalah motivasi seseorang untuk taat kepada Allah dan sentiasa mengingatkan diri sendiri tentang peraturan-Nya, wujud dalam diri manusia itu sendiri. Itulah konsep yang ada dalam *taqwa* dan *ihsan*. Melalui ibadah, seseorang itu dimotivasikan untuk melakukan perkara-perkara yang baik dengan cara yang betul. Selain dari itu, manusia juga terdorong untuk berharap kepada keredhaan Allah dalam apa jua yang dilakukan. Dengan rahmah dari Allah, seseorang itu akan dapat masuk ke syurga yang menjadi idaman di akhirat kelak. Semua ini adalah motivasi yang dapat diperolehi dari melakukan ibadah.

*Ibadah* merupakan motivasi kepada setiap individu untuk menunaikan tanggungjawab kepada Penciptanya. Ibadah juga menunjukkan bahawa seseorang itu benar-benar menyerahkan dirinya kepada kekuasaan Allah. Matlamat hidupnya adalah untuk mendapat rahmah dan keredhaan Allah. Dengan itu, ia akan terdorong untuk memenuhi janji yang dilafazkan dalam setiap waktu solatnya,

*“Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah kerana Allah.”*

Ia akan melaksanakan tanggungjawab sebagai individu Muslim (*fardhu 'ain*) dengan bersungguh-sungguh. Ia juga memahami bahawa adalah wajib baginya untuk menyempurnakan tanggungjawabnya secara berjemaah dan ia turut sama memikul tanggungjawab tersebut jika tiada orang lain yang dapat menyempurnakannya (*fardhu kifayah*).

Sesungguhnya, seorang Muslim yang baik dan bertanggungjawab adalah seorang yang menyayangi dan memelihara dirinya serta dapat mengurus urusan masyarakatnya dengan efektif. Keimanannya terhadap balasan pahala dari Allah, termasuklah mempunyai kehidupan yang bahagia di dunia (*hayatan toyyibah*) dan balasan syurga di akhirat kelak,

akan menjadi pendorong atau motivasi yang berterusan dalam menjadikan keseluruhan hidupnya sebagai *ibadah*.

### ***Amanah***

*Amanah* merupakan perlaksanaan terhadap apa sahaja yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Sebagai *khalifah* di muka bumi Allah ini, setiap orang perlu memikul tanggungjawab untuk dilaksanakan. Perlaksanaan tersebut mewakili nilai sebenar seorang Muslim sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW,

*“Tidak beriman seseorang yang tidak amanah dan tidak beragama seseorang yang tidak menepati janjinya”*. (Al-Bukhari)

Dunia ini akan menjadi satu tempat yang paling selamat sekiranya setiap orang melakukan kebaikan (*amal ma'ruf*) dan menjauhi segala kejahanan (*nahi munkar*). Ianya merupakan perbuatan yang amat mulia dan menjadi intipati kepada *da'wah*. Sebagai *khalifah*, sesuatu amanah itu perlu dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin.

*Amanah* melambangkan integriti. Tamadun manusia akan musnah dan jalinan masyarakat akan rosak sekiranya integriti tidak diamalkan. Amanah juga melambangkan maruah. Seseorang akan kehilangan maruahnya sekiranya amanah itu tidak dilaksanakan. Tiada seorang pun diantara kita yang akan dapat melepaskan diri daripada dipertanggungjawabkan di hadapan Allah terhadap setiap perbuatan di dunia ini. Pertanggungjawaban itu bukan hanya terhadap Allah bahkan kepada manusia. Sekiranya seseorang itu bersikap amanah, kebaikannya akan dapat dikecapi oleh setiap manusia. Dalam Quran (Al-Baqarah:30), Allah berfirman,

*“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi...”*

Sebagai khalifah, manusia memikul tanggungjawab untuk memakmurkan muka bumi ini.

Dalam Al-Quran (Hud:61), Allah berfirman,

*“...Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya...”*

Ini merupakan perintah dan amanah dari Allah kepada manusia. Ianya merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap manusia. Rasulullah bersabda:

*“Setiap seorang daripada kamu adalah pemegang amanah dan setiap kamu akan bertanggungjawab ke atas amanah tersebut”.* (Bukhari and Muslim)

Adnan (2005) menyatakan bahawa selain daripada memenuhi misi untuk beribadah kepada Allah, manusia diciptakan untuk melaksanakan tugas-tugas yang kreatif dan genting di muka bumi ini. Manusia diberikan amanah yang tidak sanggup diterima dan dipikul oleh makhluk Allah yang lain kerana tanggungjawab yang begitu berat.

Mengikut Ansari (2001), sebagai seorang khalifah, ibadah tidak terbatas kepada solat sahaja tetapi juga melibatkan: 1) pembinaan personaliti dalam setiap dimensi; 2) perlaksanaan masyarakat yang warak dimana semua manusia dapat hidup berinteraksi dengan kasih sayang, keadilan dan bijaksana; 3) penerokaan keajaiban alam semulajadi bagi melaksanakan status sebagai khalifah dan memahami kebesaran dan keagungan Allah.

Menurut Aziz Ul-Islam (2000), intipati yang utama dalam personaliti manusia adalah manusia itu sendiri adalah suci, sempurna, mulia dan berkemampuan untuk mencapai puncak kecemerlangan secara rohani dan akhlaknya. Kenyataan ini telah disebut dalam quran (At-Tin:4-6):

*“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya, kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (neraka), kecuali*

*orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh; maka bagi mereka pahala yang tidak putus-putusnya”.*

Beliau menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa manusia gemar kepada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan makhluk yang lain, diberikan tanggungjawab, kebebasan membuat pilihan dan dipertanggungjawab atas segala tindakan mereka. Ini merupakan ciri asas personaliti manusia di mana tiada makhluk lain yang berupaya melaksanakannya. Ini juga yg menjadikan hanya manusia yang layak dipilih sebagai khalifah. Kesimpulannya, konsep kendiri seorang manusia sebagai siapa dirinya dan mengapa ia berada di atas muka bumi ini seharusnya difahami dan dihargai.

### ***Ilm (Ilmu)***

Sebagai penambahan kepada konstruk *Ibadah* dan *Amanah*, *Ilm* merupakan satu lagi aspek tamadun manusia yang penting. *Ilmu* merupakan satu pembolehubah. Contohnya, ilmu pengetahuan membolehkan perkembangan tamadun. Ia membolehkan berlakunya banyak penambahbaikan. Seseorang yang berilmu akan dapat mencari jalan untuk mendekatkan dirinya kepada Allah dan melakukan yang terbaik untuk umat Islam. *Ilmu* melambangkan kuasa. Manusia yang berilmu akan berupaya untuk mengawal nafsunya dan berkuasa untuk melepassi sempadan langit dan dunia.

Apa yang penting adalah seseorang itu perlu mencari sebanyak mungkin ilmu dan dalam masa yang sama, mendekatkan diri kepada Allah. *Ilmu* juga perlu diamalkan untuk kebaikan. Peribahasa Arab menyatakan bahawa, “Ilmu tanpa amal umpama pokok yang tidak berbuah”. Ayat pertama yang diturunkan oleh Allah di dalam Al-Quran memperkatakan tentang *Ilmu*. Allah berfirman dalam Quran (Al-Alaq: 1-5) yang bermaksud:

*“Bacalah! Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Yang mencipta manusia dari segumpal darah. Bacalah! Tuhanmu amat penyayang. Dialah yang mengajar (manusia menggunakan) qalam ( pena). Yang mengajar manusia apa yang mereka tidak ketahui.”*

Dalam penulisan yang lalu (Khairul ‘Azmi & Nooraini, 2004), ada dijelaskan tentang kepentingan ayat-ayat tersebut. Ia menjelaskan tentang intipati perkembangan tamadun. Ilmu merupakan kebijaksanaan yang diperolehi daripada Al-Quran. Ini merupakan kefahaman penulis tentang asas epistemologi.

Pertama, sebelum ayat yang pertama dibacakan oleh Jibril kepada Nabi Muhammad, dalam tiga keadaan, Nabi telah diarahkan supaya membaca tetapi baginda menjawab bahawa baginda tidak tahu membaca kerana baginda seorang yang buta huruf. Setiap kali baginda menjawab, Nabi dipeluk oleh Jibril. Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa proses pembelajaran perlu berlaku mengikut peringkat. Proses pengarahan, memeluk, menjawab dan menyampaikan telah menjadi sebahagian daripada proses pendidikan. Ia melibatkan elemen komitmen, emosi dan psikologi terhadap pelajar. Kaedah penyampaian ilmu merupakan perkara yang penting. Hari ini ia diterjemahkan dalam bentuk pedagogi dan psikologi pendidikan. Ia juga menerangkan tentang proses yang melibatkan komunikasi dua hala dan ada kalanya dalam bentuk arahan.

Kedua, *iqra'*, yang merupakan ayat pertama adalah arahan untuk membaca. Menbacanya sering kali dikaitkan dengan pengusaan ilmu. Perkembangan tamadun juga dikaitkan dengan perkembangan ilmu. Allah berfirman dalam Quran (Al-Mujadalah:11) yang bermaksud,

*“Allah akan mengangkat (darja)t orang yang beriman di kalangan kamu dan mereka yang menguasai ilmu dengan darjat (yang tinggi).”*

Kesimpulannya, ilmu seharusnya digunakan untuk kebaikan semua manusia dan bukan untuk membawa kerosakan di muka bumi ini. Ia selari dengan peringatan Allah dalam Quran (Ar-Rum:41) yang bermaksud,

*“Kerosakan di daratan dan di lautan adalah angkara perbuatan manusia. Dengan itu mereka merasai kesan perbuatannya, agar mereka kembali (insaf).”*

Ayat ini membicarakan tentang perkembangan manusia. Sifat kemanusiaan manusia perlu dipertingkatkan ke tahap yang paling tinggi. Insan yang baik menggunakan ilmunya untuk kebaikan. Ia sentiasa mengingatkan dirinya tentang batasan yang telah ditentukan oleh Allah. Peringatan tersebut disertakan sekali dengan tingkah laku yang betul akan menjadikan setiap satunya sebagai *ibadah*.

Untuk membolehkan seseorang itu melepas sempadan kecemerlangan ilmu, adalah tidak mencukupi sekiranya ia dilakukan sekadar melalui pembacaan dan pemerhatian visual sahaja. Ia hanya boleh dicapai melalui analisis yang mendalam terhadap sesuatu isu atau perkara dan diikuti dengan penulisan. Menurut Louay Safi (1998), tugas utama seorang intelek adalah untuk mengembangkan sesuatu pandangan berdasarkan prinsip kebenaran, mengenalpasti nilai-nilai dan matlamat yang dikaitkan dengan pandangan tersebut, dan mencadangkan model yang sesuai bagi merealisasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan. Matlamatnya adalah untuk mencari kebenaran yang lahir dari keadaan sebenar sesebuah masyarakat dan bukannya dari pertimbangan teori yang terhasil dari abstrak alam semula jadi semata-mata. Oleh yang demikian, ilmu perlu dicari kerana ia merupakan sebahagian daripada pembentukan personaliti manusia.

## **Kesimpulan**

Islam menggesa umatnya supaya memiliki personaliti yang baik dan telah menggariskan beberapa prinsip dan panduan kepada umat Islam sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad saw. Wujudnya kepercayaan bahawa kejatuhan moral tidak dapat dielakkan apabila sesebuah negara itu berkembang maju dan makmur. Tesisnya adalah terdapat hubungan yang songsang antara kemajuan sesebuah negara dengan kejatuhan moral dikalangan masyarakatnya. Ramai yang berkeyakinan sekiranya soal moral dipertahankan, ia akan hanya menyekat perkembangan ekonomi dan kemajuan negara. Ini berdasarkan kepada sangkaan bahawa dengan meletakkan piawaian yang tinggi terhadap nilai moral sebagaimana yang dituntut oleh agama, akan hanya menyebabkan penurunan produktiviti dikalangan pekerja (Nik Mustafa, 1994). Ia dijelaskan lagi oleh Nik Mustafa bahawa kejatuhan nilai moral dalam masyarakat Barat disebabkan oleh sudut pandangan mereka terhadap sifat semulajadi manusia dan pengaruh kebendaan.

Hasan Langgulung (1985) menyatakan bahawa ahli psikologi percaya bahawa tingkahlaku manusia dipengaruhi oleh keperluan hidup mereka dan dalam masa yang sama, mereka menghadapi cabaran untuk mengurus persaingan dalam keperluan yang banyak. Dalam masyarakat moden, keperluan mereka tidaklah semudah masyarakat primitif dimana setiap keperluan akan mengarah kepada penghasilan keperluan yang lain, sekalipun ianya akan membawa kepada kehancuran diri dan masyarakat. Ia selari dengan prinsip kesedapan dimana akhirnya ia membawa kepada kerosakan dalam semua aspek kehidupan manusia termasuk nilai, budaya, politik, ekonomi, sains dan agama. Dalam Islam, ada menyatakan bahawa manusia secara semulajadi memerlukan kebebasan untuk memilih masa depan dan memerlukan manusia lain untuk memperbaiki diri. Selain dari keperluan peribadi, manusia juga mempunyai tanggungjawab sosial bagi memastikan bahawa setiap ahlinya dapat memenuhi keperluan asas mereka. Moral dan akhlak yang baik merupakan pra-syarat untuk mencapai kesatuan dalam kaedah yang boleh digunakan oleh setiap individu demi

memperoleh kemajuan dan kemakmuran negara. Islam mengenal pasti kepentingan akhlak dan salah stu misi Nabi Muhammad saw adalah untuk meningkatkan akhlak manusia (Nik Mustafa, 1994).

Apabila merujuk kepada personaliti islami, ia membawa maksud perkembangan personaliti manusia secara menyeluruh dan seimbang (Hasan Langgulung, 1994). Dimensi rohaniah manusia perlu diletakkan di tempat yang sepatutnya agar perkembangan tersebut menjadi seimbang. Perkembangan personaliti manusia yang menyeluruh akan membawa kepada pembentukan *Insan Kamil*.

Ujian personaliti digunakan secara meluas di serata dunia. Kepentingannya dibuktikan oleh penggunaan yang meluas termasuk dunia Islam. Malangnya, falsafah dan asas ujian-ujian tersebut tidak dilihat daripada perspektif Islam. Oleh yang demikian, adalah menjadi niat penulis untuk cuba memenuhi ruang kosong tersebut. Dalam hadith, nabi bersabda yang bermaksud, “*Barang siapa yang melakukan ijtihad, kamu akan mendapat dua ganjaran pahala, sekiranya kamu tersilap, kamu akan mendapat satu ganjaran pahala.*” Idea asas terhadap pembinaan *Ummatic Personality Inventory* ini adalah untuk membezakan antara seorang Muslim dengan bukan Muslim. Apa yang dimaksudkan dengan seoarang Muslim? Bagaimana kita memperbaiki personaliti kita sebagai seorang Muslim? Bolehkah kita menjadi lebih Islami berbanding sebelumnya? Oleh yang demikian, diharap UPI ini akan berupaya memberikan serba sedikit gambaran kepada seseorang Muslim tentang personaliti Islaminya serta menyedarkannya terhadap keperluan untuk memperbaiki diri. Ia boleh dijadikan alat muhasabah diri (self-introspection). Apa yang diharapkan adalah usaha yang sedikit ini dapat menyumbang kepada kebaikan umat manusia amnya dan menghasilkan sesuatu yang dapat membantu membangun modal insan yang cemerlang dan seimbang, khususnya.

## REFERENCES

- Abu Al-'Ala al-Maududi'. (1984). Islamic social system: Its dimensions and characteristics, in M. Tariq Quraishi (ed.). *Islam: A way of life and a movement*. Indiana: American Trust Publications.
- Adnan Abd. Rashid, (2005). Man's nature and his potentialities towards a good moral quality. *Jurnal IKIM*. 13 (1), 41-54.
- Al-Attas, S.M.N. (1990). *The nature of man and the psychology of the human soul*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilisation.
- Al-Faruqi, I.R. (1992). *Al-Tawhid: Its implications for thought and life*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Harran, Saad. (2004). *For today's social ill. Islam is the solution*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Ansari, Muhammad Fazl-ur-Rahman. (2001). *The quranic foundations and structure of Muslim Society*. Volume 1. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Aziz Ul Islam. (2000). Islamic personality and its development. *Muslim Education Quarterly*, 17 (2), 61-68.
- Badri, M. (2001). *Dilema ahli psikologi Islam*. Kuala Lumpur: Medeena Books.
- Carter P. & Russel, K. (2003). *More psychometric testing*. England: John Wiley & Sons Ltd.
- Hammudah 'Abdalati. (1984). Islamic social system: Its dimensions and characteristics, in M. Tariq Quraishi (ed.). *Islam: A way of life and a movement*. Indiana: American Trust Publications.

Hasan Langgulung. (1985). *Pendidikan dan Peradaban Islam: Suatu Analisis Sosio-Psikologi*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.

Hasan Langgulung. (1991). Integrated personality and integrated education: A psycho-spiritual approach. *Muslim Education Quarterly*. 8 (4). 32-43.

Hasan Langgulung. (1999). *The ummatic paradigm of psychology*. Kuala Lumpur: Univision Press.

Hasan Langgulung. (2001). Islamisasi pendidikan dari perspektif metodologi. *JurnalPendidikan Islam*. 9 (3). 17-32.

Hasan Langgulung. (2001). Islamisasi pendidikan dari perspektif metodologi. *Jurnal Pendidikan Islam*. 9 (3). 17-32.

Hergenhahn, B. R & Olson, M. H. (1999). *An introduction to theories of personality*. New Jersey: Prentice Hall.

Institute of Integrity Malaysia (2004) *National integrity plan*. Kuala Lumpur: Author.

Janda, L. (2001). *The psychologist's book of personality tests*. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Louay Safi. (1996). The foundation of knowledge: A comparative study of Islamic and Western methods of inquiry. Kuala Lumpur: International Islamic University Press.

Najati, Muhammad Usman. (1968). *'ilmu an-nafs al-Islami*. Mesir: Darus Syuruk.

Nik Mustapha Nik Hassan. (1994). The relevance of human centred development in the industrial era. *IKIM Journal*. 2 (1), 79-92.

Raba, A. M. (2001). *Major personalities in the Quran*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.

Ridwan Abdullah Wu. (1994). Islam, a misunderstood religion: Muslims, a misunderstood community. *IKIM Journal*. 2 (1), 46-66.

Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.